

NHF PLANS TO INCREASE REPLACEMENT PARTS EXPORT

## NHF cadang tingkat eksport alat ganti

**New Hoong Fatt Holdings Bhd (NHF)** merancang untuk meningkatkan lagi eksport alat ganti automotif keluarannya pada 2016, dalam meraih manfaat liberalisasi pasaran di rantau ASEAN.

Pengeluar alat ganti automotif itu dalam satu kenyataan, berkata Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) akan menghapuskan halangan perdagangan di kalangan 10 negara anggota di Asia Tenggara dan ini akan membuka peluang bagi syarikat mengembangkan perniagaannya di rantau ini.

Dalam tempoh sembilan bulan pertama berakhir 30 September 2015, pendapatan eksport NHF meningkat sebanyak 20 peratus kepada RM78.8 juta daripada RM65.4 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada 2014.

Pengarah Urusan NHF, Chin Jit Sin, berharap kumpulan itu akan terus meningkatkan pendapatan eksport melalui pasaran sedia ada dan baharu pada 2016.

"Kami melihat cabaran berterusan pada 2016, antara paling merisaukan adalah perbelanjaan pengguna yang semakin lemah dalam pasaran domestik dan ketidaktentuan ekonomi global.

"Kami akan memastikan infrastruktur, keupayaan dan bakat berada di tempat yang betul bagi memacu keutamaan strategik kami untuk pertumbuhan masa depan," katanya.

**BERNAMA**